

**NO. SOALAN: 9**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah **JAKIM** akan mempertimbangkan khidmat konsultasi percuma kepada perusahaan kecil dan sederhana pelbagai bangsa mengenai permohonan status halal restoran agar mereka dapat memperluaskan pasaran mereka kepada peniagaan halal tanpa bergantung kepada konsultan orang tengah untuk permohonan.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus utama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (**JAKIM**) adalah menjalankan pensijilan halal. Walau bagaimanapun, **JAKIM** bersama agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (**FAMA**), Institut Penyelidikan dan

Kemajuan Pertanian (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia (SAME) yang memberi tumpuan kepada usahawan-usahawan Cina, Sekretariat Khas Untuk Memperkasa Usahawan India (SEED) dan lain-lain sering memberi bimbingan kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana dari pelbagai bangsa tanpa mengenakan sebarang bayaran bagi memastikan keperluan pensijilan halal Malaysia dipenuhi.

Sehubungan itu, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa memberi ruang kepada industri yang memerlukan khidmat nasihat dan konsultasi secara percuma dalam urusan dan perkhidmatan permohonan Pensijilan Halal Malaysia. Pihak industri hanya perlu berhubung terus dengan pihak JAKIM dan JAIN bagi mendapatkan perkhidmatan ini. Ianya bertujuan supaya pemohon sendiri memahami segala syarat, keperluan, peraturan dan prosedur pensijilan halal sebelum membuat permohonan dan seterusnya lebih bertanggungjawab terhadap pematuhan sistem kawalan halal dalam syarikat pemohon.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF**

**TARIKH : 21.03.2017**

**SOALAN : NO. 10**

**DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar yang layak ke universiti awam dapat melanjutkan pelajaran mereka ke universiti berkenaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Terdapat beberapa bidang yang memerlukan calon melalui proses temuduga antaranya bidang perubatan, pendidikan, farmasi, kimia bakat dan sukan.

Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta memenuhi kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Dalam usaha memastikan calon yang berkelayakan mendapat tawaran, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya:

- (a) menetapkan mekanisma pengambilan kemasukan pelajar secara *centralized* di portal “ONE STOP CENTRE UPUOnline”;
- (b) menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi Negara bagi menyebarkan maklumat berkaitan peluang pendidikan tinggi kepada golongan sasaran. Karnival ini berlangsung dalam tempoh permohonan *UPUOnline* mulai 6 Februari 2017 hingga 5 April 2017;
- (c) menjalankan Program Jelajah *UPU- Outreach* KPT di kawasan pedalaman yang sukar mendapat akses maklumat berhubung peluang pendidikan tinggi. Program ini dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi Kerajaan lain antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia; dan
- (d) Mengadakan kaunter rundingcara UPU di KPT mulai Mac hingga September 2017.